

# Jangan bagi reaksi keterlaluan – Najib

UM- 22/11/2006

SEREMBAN 21 Nov. – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengingatkan pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya tidak memberi reaksi keterlaluan terhadap beberapa ucapan perwakilan pada Perhimpunan Agung UMNO lepas.

Ini kerana, tegas beliau, ucapan keterlaluan yang disampaikan oleh perwakilan bukan menggambarkan pendirian parti secara keseluruhan yang sememangnya dari dulu berpegang kepada prinsip kongsi kuasa, tolak ansur dan bertimbang rasa.

"Kepada rakan-rakan dalam BN janganlah melatah (*over react*) dengan beberapa kandungan ucapan yang agak terlanjur... ia adalah pendapat mereka dan bukannya usul dan dasar perjuangan parti," kata Timbalan Presiden UMNO itu.

Najib berkata demikian dalam ucapan sempena Majlis Jamuan Hari Raya Badan Perhubungan UMNO Negeri Sembilan di sini malam ini.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan UMNO menghormati aspirasi rakan komponen lain dan tidak pernah mengamalkan dasar perkauaman kerana parti itu percaya sepenuhnya ke-

pada dasar pemuafakatan kaum.

"Melihat kepada kedudukan Melayu yang masih belum mencapai tahap yang sepatutnya, maka lebih baik kerjasama erat dijalinan dengan semua kaum untuk mencapai matlamat yang diidamkan itu," ujarnya.

Tambah Najib, tuntutan 30 peratus pemilikan ekuiti bukannya melampau kerana ia adalah hak orang Melayu.

"Tempoh 30 tahun Dasar Ekonomi Baru (DEB) belum cukup (untuk Melayu mencapai peratusan itu). Kita memerlukan masa yang lebih lama. Itulah yang kita perjuangkan dalam agenda Melayu, bukannya untuk meminggirkan bangsa lain," katanya.

Dalam hal ini, beliau mengingatkan orang Melayu khususnya ahli UMNO supaya mengemblem sepenuhnya tenaga menjayakan wawasan dan 12 gagasan yang digariskan oleh presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Perkara yang paling penting ialah wawasan dan tindakan kerana wawasan tanpa tindakan maka hasilnya adalah sia-sia.

"Sebaliknya, tindakan tanpa wawasan pula tidak akan mendatangkan hasil dan matlamat yang sepatutnya kerana wawasan dan tindakan perlu bergerak seiring," katanya.